



SIARAN MEDIA

JBPM SERU PENGLIBATAN AKTIF MASYARAKAT DALAM MEMASTIKAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN STRATEGI JABATAN

SEPANG, 21 MAC 2025 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Ops Siaga Raya 2025 Sempena Hari Raya Aidilfitri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang diadakan di pusat beli belah IOI City Mall hari ini.

Ops Siaga Raya ini dilaksanakan bagi menyusun strategi awal sebagai kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk menghadapi insiden-insiden kecemasan yang dijangka berlaku sepanjang musim perayaan Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi.

YB KM ketika berucap merasmikan majlis berkata, Ops Siaga Raya kali ini memfokuskan kepada peranan besar yang perlu dilaksanakan oleh komuniti, pemilik dan penghuni premis, pengusaha badan air serta pengguna jalan raya dalam memastikan keberkesanan strategi yang dilaksanakan kementerian melalui JBPM.

“Lima perkara utama yang perlu diberi perhatian serius adalah penglibatan aktif masyarakat dalam Bomba Komuniti atau Pasukan Bomba Sukarela; pematuhan kepada piawaian dan undang-undang keselamatan kebakaran; pelaksanaan latihan dan simulasi kecemasan secara berkala; kesiapsiagaan dan keselamatan di badan air serta kesedaran masyarakat tentang keselamatan jalan raya.

“Hal ini kerana, kita melihat setiap kali musim raya akan berlaku peningkatan risiko dalam aspek keselamatan baik dari segi keselamatan kebakaran, keselamatan aktiviti di air mahupun keselamatan jalan raya. Justeru, bagi meminimumkan risiko-risiko ini, kementerian melalui JBPM akan memberi penekanan kepada aspek-aspek penting ini,” ujar beliau.

Komuniti yang memainkan peranan aktif dalam aspek-aspek penting ini sudah pastinya dapat mewujudkan suasana peka terhadap risiko dan tahu bertindak sekiranya berlaku insiden kecemasan dalam lokaliti masing-masing.

Tegas YB KM, pemilik premis digesa untuk lebih mengambil serius dalam memastikan premis yang mereka miliki atau diami mematuhi segala keperluan keselamatan dan piawaian yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Pemeriksaan sistem, ujian pengesanan dan penggera kebakaran serta tindakan membuang halangan bagi mengelakkan laluan terhalang termasuklah kerja-kerja penyelenggaraan haruslah dibuat secara berkala tanpa perlu menunggu arahan daripada pihak JBPM.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 19,661 pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) telah dilaksanakan yang menyaksikan sebanyak 9,998 notis di atas pelbagai kesalahan telah dikeluarkan.

Bagi tahun 2025 pula, kementerian melalui JBPM menyasarkan untuk membuat sebanyak 18,000 pemeriksaan dan setakat Februari lalu sebanyak 1,757(10%) pemeriksaan telah berjaya dilaksanakan.

Dalam pada itu, majlis hari ini turut menyaksikan sebanyak tiga (3) buah pusat beli belah menerima sijil Perakuan Bomba (FC) dan tiga (3) syarikat konsesi lebuhraya diberikan sijil penghargaan susulan kerjasama dalam advokasi keselamatan jalan raya serta keterlibatan dalam program Ops Siaga Raya.

Pada masa sama, tiga (3) premis kategori kedai yang memiliki FC dan tiga (3) premis di bawah kategori Bukan Premis Ditetapkan yang tidak pernah menerima notis (sifar notis) sepanjang lima tahun terakhir turut diberikan sijil penghargaan.

Turut menerima sijil penghargaan pada majlis penuh gemilang hari ini adalah tiga (3) premis kategori resort/chalet yang mengutamakan garis panduan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) dalam pengoperasian mereka.

Di penghujung majlis, YB KM dengan diiringi Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta YAS Dato' Ts. Nor Hisham bin Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia turut menyempurnakan acara Pelepasan Pasukan Ops Siaga Raya Aidilfitri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai simbolik kepada perasmian majlis hari ini.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

20 MAC 2025

